

PELAN STRATEGIK

JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR



2023
2027



PELAN STRATEGIK

JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR

2023-2027



**Pintu Utama Pusat Islam Iskandar Johor
(PIIJ)**

KANDUNGAN

	<i>Mukasurat</i>
KATA ALU ALUAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR PERUTUSAN PENGARAH	5 7
BAB 01 ▶ PENDAHULUAN	9
<i>Sejarah & Latar Belakang</i>	<i>10-12</i>
<i>Evolusi</i>	<i>13-17</i>
<i>Punca Kuasa</i>	<i>18-21</i>
<i>Fungsi</i>	<i>22</i>
<i>Objektif</i>	<i>23</i>
<i>Carta Organisasi</i>	<i>24-26</i>
<i>Carta Fungsi Organisasi</i>	<i>27</i>
BAB 02 ▶ PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN 2016-2022	29-36
BAB 03 ▶ SISTEM PENGURUSAN KUALITI	37
<i>Isu Dan Cabaran (Analisis SWOT)</i>	<i>38-41</i>
<i>Pihak-Pihak Berkepentingan</i>	<i>42</i>
<i>Dasar Kualiti</i>	<i>43</i>
<i>Piagam Pelanggan</i>	<i>44-45</i>
<i>Nilai Bersama</i>	<i>46</i>
BAB 04 ▶ HALA TUJU STRATEGIK & PELAN TINDAKAN	47
<i>Peta Strategik</i>	<i>49</i>
<i>Objektif Strategik</i>	
• <i>Strategi, Program & KPI</i>	
1 <i>Strategik Objektif</i>	<i>51</i>
2 <i>Strategik Objektif</i>	<i>59</i>
3 <i>Strategik Objektif</i>	<i>63</i>
4 <i>Strategik Objektif</i>	<i>67</i>
5 <i>Strategik Objektif</i>	<i>71</i>
PENUTUP	73



Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani
Setiausaha Kerajaan Johor

Kata Alu-Aluan

SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

السَّلَامُ عَلَيْنَا وَمَرْكَمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah SWT kerana atas keizinan-Nya jua, saya diberikan kesempatan dan ruang untuk menitipkan sepatah dua kata alu-aluan untuk buku **Pelan Strategik Jabatan Agama Islam Johor 2023-2027**. Sudah menjadi amalan sesebuah agensi untuk sentiasa mengkaji, menambah baik dan menyusun keutamaan keperluan perancangan dalam kesemua aspek. Perancangan terperinci ini perlu direkodkan serta diterjemahkan dalam bentuk penerbitan pelan strategik dan dipantau bagi memastikan hala tuju organisasi yang jelas, bersifat komprehensif, praktikal dan mudah untuk difahami oleh semua warga dan lapisan masyarakat umat Islam termasuk bukan muslim.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas kepada **Pengarah Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ)** dan seluruh warga kerja JAIJ di atas usaha yang telah digembeng bagi menghasilkan **Pelan Strategik JAIJ 2023-2027** ini. Tempoh tahun **2023 hingga 2027 merupakan fasa peralihan yang mencabar dalam mendepani era modenisasi negara**. Maka, untuk menjadi agensi yang dinamik dan mampu menerapkan satu bentuk pentadbiran serta penyampaian perkhidmatan yang menjadikan nilai-nilai agama berteraskan Maqasid Syariah sebagai paksi dalam merancang segala dasar, kaedah pelaksanaan dan solusi permasalahan.

Saya percaya seluruh warga kerja JAIJ telah bersedia menyahut cabaran untuk menjadikan JAIJ sebagai sebuah agensi yang sentiasa relevan dengan perubahan semasa serta mampu memenuhi jangkaan pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan. Justeru, penghasilan Pelan Strategik ini adalah sebagai indikasi kesinambungan setiap perancangan jitu yang bakal direalisasikan dalam tempoh lima (5) tahun mendatang oleh JAIJ.

Semoga usaha murni menyediakan Pelan Strategik ini akan menjadikan JAIJ sebuah agensi agama yang disegani, diyakini dan sentiasa menjadi rujukan untuk agensi lain dan ummah negeri Johor khususnya.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani
Setiausaha Kerajaan Johor

Dato' Haji Md Rofiki bin Dato' Haji A. Shamsudin
*Pengarah,
Jabatan Agama Islam Johor*



Perutusan Pengarah

السَّلَامُ عَلَيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, pentadbir seluruh alam kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita masih berdiri di atas muka bumi bagi meneruskan amanah dan tanggungjawab sebagai khalifah-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad SAW, penghulu nabi dan rasul dari awal hingga ke akhir zaman. Belas kasih dan cinta bagindalah yang kita harap-harapkan sebagai naungan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Ucapan salam jua kepada ahli keluarga dan sahabat-sahabat yang bersama-sama baginda membawa sinar Islam hingga ke seluruh alam.

Dengan iltizam dan kerja keras yang dicurahkan, akhirnya **Pelan Strategik Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) 2023- 2027** telah sempurna direalisasikan. Pelan strategik ini ialah jawapan dalam mengharungi masa depan mendatang yang kian mencabar. Ia akan menjadi pemandu arah kepada seluruh warga JAIJ dalam memperkasa pentadbiran hal ehwal Islam di negeri Johor. Strategi-strategi yang diatur telah melalui proses analisis yang mendalam agar ia benar-benar menepati keperluan semasa. Dengan adanya ini, JAIJ lebih yakin dan komited akan dapat mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Penggubalannya juga telah dipastikan lebih inklusif, terperinci dan meletakkan pihak berkepentingan yang meliputi pemegang taruh, rakan strategik dan pelanggan menjadi keutamaan, selaras dengan agama Islam sebagai pembawa rahmat kepada sekalian alam.

Menyedari tanggungjawab besar yang digalas dalam memartabatkan agama Islam yang berteraskan Maqasid Syariah di negeri ini, keupayaan bahagian-bahagian akan digembleng dan ditingkatkan demi memastikan kesejahteraan umat Islam di negeri ini terus terpelihara dan kamaslahatan ummah ditadbir urus dengan bijak, cekap dan efisien. Melalui keupayaan ini, institusi ini akan terus mendapat kepercayaan pihak-pihak berkepentingan khususnya, dan rakyat negeri Johor umumnya untuk terus menjadi Jabatan utama dalam melahirkan modal insan yang ideal dan seterusnya meletakkan agama Islam di tempat tertinggi di mata masyarakat.

JAIJ kini telah bersedia melangkah ke satu lagi gerbang kejayaan yang lebih cemerlang. Pencapaian-pencapaian lalu yang telah terukir bukan menjadi buaian yang meleakakan, sebaliknya ia menjadi sumber inspirasi dan titik tolak ke arah kejayaan yang lebih unggul yang pastinya perlu dibayar dengan kerja keras, usaha gigih dan pengorbanan seluruh warga kerja JAIJ. Pelan strategik ini perlu dihayati sepenuhnya oleh warga JAIJ dan segala perancangan perlu dilaksanakan dengan jayanya.

Sebagai penutup bicara, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan pelan strategik JAIJ 2023-2027 ini. Saya yakin dengan inisiatif ini, JAIJ akan kekal utuh, relevan dan berdaya maju dalam menggalas tanggungjawab besar yang diamanahkan. Semoga dengan usaha ini, kita dilimpahkan dengan rahmat dan ganjaran kebaikan di dunia dan di akhirat.

KEPADA ALLAH BERSERAH,

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Md Rofiki bin Dato' Haji A. Shamsudin
Pengarah,
Jabatan Agama Islam Johor



Masjid Sultan Abu Bakar Johor Bahru

Pembinaan masjid ini bermula pada 1 Muharram 1310 Hijriah
bersamaan dengan 26 Julai 1892 Miladiah.

Dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar
pada 11 Syawal 1317 Hijriah bersamaan dengan 02 Februari 1900 Miladiah.



BAB 01

PENDAHULUAN

*Sejarah & Latar Belakang
Evolusi
Punca Kuasa
Fungsi Dan Objektif
Carta Organisasi*



LATAR BELAKANG

PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR

Bangunan PIIJ mula dirancang pembinaannya oleh Kerajaan Negeri hasil keputusan yang dibuat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor yang diadakan pada 28 Mac 1973. Kerajaan telah bersetuju untuk membina sebuah pusat Islam bagi negeri Johor. Tujuan diadakan pusat Islam ini adalah untuk memusatkan segala pentadbiran dan pengurusan mengenai agama Islam dengan lebih teratur dan lebih sistematik, juga untuk mewujudkan sebuah Sekolah Menengah Tinggi Arab Johor (Maahad Johor) yang diharapkan dapat menjadi Pusat Pengajian Tinggi Islam di negeri ini. Projek ini merupakan satu projek raksasa yang ditadbir oleh Jabatan Agama Islam Johor.

Kawasan tapak Pusat Islam Iskandar Johor (PIIJ) asalnya ialah kawasan tapak bangunan-bangunan kerajaan yang ketika itu diduduki oleh Yang Amat Arif Tuan Hakim Besar, Pejabat Badan Pencegahan Rasuah dan Bangunan Sekolah Rumah Tangga Azizah, termasuk tanah Allahyarham Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohd Yasin, yang ditebus dengan harga bernilai RM1,865,668.75.

Pada tahun 1975, peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah diluluskan untuk membina pagar di sekeliling kawasan Pusat Islam ini. Pada tahun 1979 pula rumah pangsa empat tingkat untuk kakitangan rendah Jabatan Agama Islam Johor telah dibina bersebelahan dengan rumah mayat hospital Sultanah Aminah Johor Bahru.

Pembinaan bangunan ibu pejabat pentadbiran agama Islam telah dimulakan pada 1 November 1985 dan mula digunakan pada 17 November 1988. Pada ketika itu Allahyarham Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Ali bin Hassan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan Allahyarham Dato' Sukiman bin Sahlan sebagai Pengarah Jabatan Agama Islam Johor. Manakala Allahyarham Dato' Haji Ahmad bin Awang sebagai Mufti dan Allahyarham Dato' Hasbullah bin Haji Abd Razak sebagai Kadi Besar. Kedudukan PIIJ ini terletak di satu kawasan seluas 40.13515 ekar termasuk kawasan Masjid Sultan Abu Bakar dan kawasan sekitarnya.

Pembangunan PIIJ dilaksanakan dalam empat fasa berikut :

- Fasa Pertama ; Pembinaan Jabatan Agama Islam Johor yang menelan belanja RM23 juta
- Fasa Kedua ; Pembinaan Sekolah Menengah Tinggi Arab Johor (Maahad Johor) dan Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) serta bangunan asrama yang menelan kos sebanyak RM 20 juta
- Fasa Ketiga ; Membina bangunan baru kakitangan Jabatan (Blok B PIIJ)
- Fasa Keempat ; Membina bangunan Jabatan Kehakiman Syariah Johor.

Kerja-kerja pelaksanaan projek PIIJ ini pada mulanya diletakkan di bawah kelolaan Jabatan Kerja Raya Johor dari tahun 1973 hingga akhir tahun 1979. Pada awal tahun 1980, pelaksanaannya diletakkan di bawah kelolaan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor. Pada bulan November 1982, Kerajaan Negeri memutuskan supaya segala urusan pembinaan pusat Islam dilakukan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Johor.

Lokasi keseluruhan jabatan-jabatan yang berada dalam kawasan PIIJ ini adalah seperti berikut:

1. Masjid Sultan Abu Bakar terletak di atas Lot PTB 3838. Pembinaan masjid ini bermula pada 1 Muharam 1310 Hijriyyah bersamaan dengan 26 Julai 1892 Miladiah. Kos pembinaan masjid ini berharga RM400,000.00 telah mengambil masa selama lapan (8) tahun. Dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar pada 1 Syawal 1317 Hijriyyah bersamaan dengan 2 Februari 1900 Miladiah.
2. Jabatan Agama Islam Johor terletak di atas Lot PTB 3838. Blok A PIIJ telah siap dibina pada tahun 1989 dengan kos RM17,993,521.46. Mulai tahun 1980-an, berlaku penstrukturan semula organisasi Jabatan Agama Johor dengan membahagikannya kepada 6 bahagian penting iaitu Bahagian Kadi Besar (Pentadbiran Undang-undang Syariah), Bahagian Pelajaran Agama, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Penerangan dan Dakwah, Bahagian Penerbitan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Penyelidikan. Pada tahun 1985 Jabatan Agama Johor mempunyai 1,753 jawatan tetap.
3. Sekolah Menengah Tinggi Arab Johor (Maahad Johor) terletak di atas Lot PTB 20051, telah mula beroperasi pada awal tahun 1990-an dan telah siap pembinaan sepenuhnya pada tahun 2000 dengan kos RM9,331,068.86.
4. Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) terletak di atas Lot PTB 20051, telah siap dibina pada tahun 2000 dengan kos RM11,415,290.33.
5. Jabatan Mufti Johor terletak di tingkat 3 Blok A PIIJ. Jabatan Mufti Johor ini ditubuhkan secara berasingan daripada Jabatan Agama Islam Johor pada tahun 2001.
6. Majlis Agama Islam Johor terletak di atas Lot PTB 3838, yang merupakan bangunan Blok B PIIJ. Bangunan ini telah siap pada tahun 2004 dengan kos RM15,005,400.00. Di bangunan blok yang sama juga ditempatkan Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru serta Bahagian Pendidikan Islam (BPI) JAIJ.
7. Jabatan Kehakiman Syariah Johor terletak di atas Lot PTB 20052 dan telah siap dibina pada Jun 2006 dengan kos RM30,877,612.11.
8. Jabatan Pendakwaan Syariah telah diasingkan daripada Jabatan Agama Islam Johor pada 6 Jamadilawal 1441 Hijriyyah bersamaan 1 Januari 2020 Miladiah dan pengoperasiannya di Blok B PIIJ.

Sebagai kesimpulannya, bangunan-bangunan yang dibina di kawasan Pusat Islam Iskandar Johor ini adalah untuk memusatkan pentadbiran Islam di negeri Johor yang dirancang begitu rapi sejak tahun 1970-an lagi. Maka sesuaiilah kawasan ini dinamakan Pusat Islam Iskandar Johor, yang dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar Ibni Al-Marhum Sultan Ismail pada 15 Syaaban 1428 Hijriyyah bersamaan 28 Ogos 2007 Miladiah.

(Sumber: Buku Program Majlis Perasmian Pusat Islam Iskandar Johor bertarikh 28 Ogos 2007)





EVOLUSI

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

TAHUN
1895

KETERANGAN

Jabatan Agama dan Pelajaran Johor ditubuhkan dengan Engku Muhd Khalid sebagai Yang DiPertua yang pertama.

KETERANGAN

2 Februari 1900 bersamaan 1 Syawal 1317H, Masjid Sultan Abu Bakar mula digunakan. Masjid ini mula dibina pada 26 Julai 1892M.

TAHUN
1900

KETERANGAN

TAHUN
1906

Jabatan Agama Johor (JAJ) diasingkan dengan Jabatan Pelajaran Johor. Terdiri dari tiga Bahagian utama iaitu Pejabat Mufti (permasalahan fatwa dan hukum syarak), Pejabat Kadi Besar (Mahkamah Syariah, urusan nikah cerai dan ruju', zakat, baitulmal dan wakaf, tanah kubur, masjid, mualaf, pejabat kadi daerah dan tauliah) dan Pemeriksa Hal-Hal Agama (pemantau perkembangan agama Islam).

KETERANGAN

Mewujudkan jawatan Pemeriksa Pengetahuan Agama Kerajaan di bawah Pemeriksa Hal-Hal Agama, untuk membantu JAIJ melaksanakan siasatan berhubung salah laku dan penyelewengan syariat Islam.

TAHUN
1924

TAHUN
1925

KETERANGAN

1 Mac 1925 Majlis Agama Islam Johor ditubuhkan oleh DYMM Sultan Johor. Yang DiPertua Jabatan Agama Johor dilantik sebagai Setiausaha MAIJ, sebagai tanda JAJ berada di bawah MAIJ.

KETERANGAN

Semasa penjajahan Jepun, JAJ dikenali sebagai Pre Dai Toa Senso. Gabenor Jepun di Johor telah menyusun keahlian JAJ iaitu Yang DiPertua sebagai Pengerusi, Mufti sebagai Timbalan Pengerusi, Kadi Besar, Menteri Besar dan lain-lain wakil dari daerah-daerah dalam Negeri Johor.

TAHUN
1941

TAHUN
1947

KETERANGAN

Pada 1 Julai 1947, pentadbiran Sekolah Agama Johor telah diambil alih semula oleh JAJ yang sebelumnya berada di bawah pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor. Sekolah Agama Johor ini mengandungi Sekolah Agama Kerajaan, Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Arab.

EVOLUSI

KETERANGAN

Badan Penerangan Agama dengan pentadbirannya diketuai oleh Yang DiPertua sebagai Pengerusi, Pengelola Penerangan sebagai Setiausaha dan Bendahari oleh Pembantu Kewangan JAJ. Fungsi Badan ini adalah untuk gerakan menyebarkan dakwah Islam.

TAHUN
1956

KETERANGAN

TAHUN
1960

Mulai bulan Julai 1960, nama JAJ telah ditukar kepada Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ). Diperkemas pentadbiran JAIJ, dipimpin oleh Yang DiPertua, Setiausaha JAIJ, Pejabat Mufti dan Pejabat Kadi Besar.

KETERANGAN

28 Mac 1973 Kerajaan Negeri telah bersetuju dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk membina sebuah Pusat Islam Johor (PIJ).

TAHUN
1973

KETERANGAN

TAHUN
1980

Bahagian Penyelidikan ditubuhkan dengan diketuai pentadbirannya oleh Kadi Besar.

KETERANGAN

Bangunan ibu pejabat pentadbiran agama Islam telah dimulakan pembinaannya pada 1 November 1985.

TAHUN
1985

KETERANGAN

TAHUN
1989

JAIJ (Blok A) siap dibina dengan kos RM17 Juta. Pejabat Pengarah dan Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam di tingkat 5. Tingkat 4 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Tingkat 3 Pejabat Mufti dan Pejabat Kadi Besar. Tingkat 2 meliputi Bahagian Pendidikan, Badan Penerangan Agama dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Tingkat 1 meliputi Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru dan Bahagian Penyelidikan. Aras bawah mengandungi Perpustakaan Pusat Islam, Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan; dan Mahkamah Syariah. Blok A ini juga mengandungi Dewan Besar PIJ yang boleh memuatkan 1200 orang dalam satu masa.

KETERANGAN

JAIJ telah disusun semula pentadbirannya oleh Kerajaan menjadi lapan bahagian iaitu Pentadbiran dan kewangan, Mufti, Kadi Besar, Penerangan Agama, Penyelidikan, Pendidikan Agama, Penguatkuasaan dan Pendakwaan; dan Mahkamah Syariah. Penerangan Agama ini ditukar nama kepada Bahagian Dakwah dan jawatan Pengelola Penerangan ditukar kepada Ketua Penolong Pengarah.

TAHUN
1992

EVOLUSI

TAHUN 1996

KETERANGAN

Mahkamah Syariah telah diasingkan dari JAIJ dengan penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Johor.

TAHUN 1998

KETERANGAN

1 Januari 1998, Bahagian Pembangunan Keluarga telah diwujudkan, terbit dari Unit Khidmat Nasihat di bawah Pejabat Kadi Besar. Bahagian ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah. Fungsi bahagian ini ialah Khidmat Nasihat dan program-program kekeluargaan. Bahagian ini beroperasi di dataran Pusat Islam Johor.

Pada 1 Oktober 1998, jawatan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan telah diwujudkan untuk mengetuai Bahagian Penyelidikan yang mengandungi tiga fungsi utama iaitu akidah syariah, media dan pengurusan Halal.

Pada 21 Oktober 1998, Bahagian Pengurusan Masjid diwujudkan dengan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah. Dua unit dari Bahagian Dakwah iaitu Unit Takmir dan Unit Qariah diletakkan di bawah bahagian ini. Imam Besar dari Masjid Sultan Abu Bakar juga diletakkan di bawah bahagian ini. Fungsi lain bahagian ini ialah pembangunan latihan dan masjid kerajaan, khutbah. Bahagian ini beroperasi di tingkat 2 dan 3 PIJ.

TAHUN 2002

KETERANGAN

Pejabat Mufti telah diasingkan dari pentadbiran JAIJ dan ditubuhkan Jabatan Mufti Johor.

TAHUN 2004

KETERANGAN

Blok B Pusat Islam Johor telah siap dibina dengan kos RM15 Juta. Bangunan 5 tingkat ini mengandungi Majlis Agama Islam Johor di Tingkat 5. Tingkat 3 dan 4 Bahagian Pendidikan. Tingkat 4 Bahagian Pembangunan Keluarga. Tingkat 2 Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru. Tingkat 1 Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan Syariah. Semua bahagian dan Pejabat yang dinyatakan ini, asalnya berada di Blok A, dipindahkan operasinya dari Blok A ke Blok B PIJ.

Pejabat dan bahagian yang beroperasi di Blok A telah diatur semula iaitu Tingkat 5 kekal operasinya sebagai pejabat Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam dan Pengarah. Tingkat 4 pejabat Timbalan Pengarah Pengurusan dan Bahagian Khidmat Pengurusan. Tingkat 3 Jabatan Mufti Johor. Tingkat 2 Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah dan Bahagian Dakwah. Tingkat 1 Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau dan Bahagian Penyelidikan. Aras bawah Bahagian Pembangunan, Bilik Mesyuarat Utama, Bilik Multimedia, dan ruang solat untuk lelaki dan perempuan.

EVOLUSI

KETERANGAN

Pada Jun 2006, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor siap dibina dengan kos RM30.8 Juta. Bangunan 7 tingkat ini menempatkan Pejabat Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru dan Mahkamah Rendah Syariah Johor Bahru, berpindah dari Blok A Pusat Islam Johor.

**TAHUN
2006**

KETERANGAN

Pada 28 Ogos 2007M bersamaan 15 Syaaban 1428H, Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar telah merasmikan Pusat Islam Johor yang kemudiannya dikenali sebagai Pusat Islam Iskandar Johor.

**TAHUN
2007**

Pentadbiran JAIJ telah di struktur semula oleh Kerajaan dengan diselaraskan fungsinya kepada sepuluh (10) bahagian iaitu Khidmat Pengurusan, Pendidikan Islam, Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Dakwah, Pengurusan Masjid dan Surau, Penyelidikan, Pembangunan Keluarga dan Sosial, Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syarie. Melalui penstrukturan semula ini wujud jawatan Timbalan Pengarah Operasi dan Timbalan Pengarah Pengurusan untuk membantu Pengarah.

KETERANGAN

1 Jan 2008 Daerah Kulaijaya diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar sebagai daerah baru di Negeri Johor. Pengisytiharan ini turut mewujudkan Pejabat Kadi Daerah Kulaijaya yang ke sembilan diketuai oleh Kadi Daerah Kulaijaya.

**TAHUN
2008**

9 Jun 2008 Daerah Ledang diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar sebagai daerah baru di Negeri Johor di Dataran Ledang, Tangkak. Pengisytiharan ini turut mewujudkan Pejabat Kadi Daerah Ledang yang ke sepuluh diketuai oleh Kadi Daerah Ledang.

KETERANGAN

Pada 1 Januari 2015, telah diwartakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) (Pindaan) 2014 yang menyatakan Pengarah JAIJ tidak lagi memegang jawatan sebagai Setiausaha MAIJ. Jawatan Setiausaha MAIJ disandang oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIJ.

**TAHUN
2015**

Pada 1 Disember 2015, jawatan Ketua Penolong Pengarah Pendidikan Islam dinaikkan kepada Timbalan Pengarah Pendidikan Agama Islam. Ini menjadikan JAIJ memiliki tiga timbalan Pengarah iaitu Pengurusan, Operasi dan Pendidikan Islam.

Pada 7 Disember 2015 Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim telah berkenan nama Daerah Kulaijaya dan Daerah Ledang ditukar nama kepada Daerah Kulai dan Daerah Tangkak. Dengan perubahan nama daerah ini, nama Pejabat Kadi Daerah berkenaan turut bertukar kepada Pejabat Kadi Daerah Kulai dan Pejabat Kadi Daerah Tangkak.

KETERANGAN

Pada 1 Oktober 2016, Unit Pengurusan Halal di Bahagian Penyelidikan telah dinaik taraf kepada Bahagian Pengurusan Halal menjadi salah satu bahagian di JAIJ dengan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah. Fungsinya diperkasakan, selain daripada pengeluaran sijil halal, diwujudkan juga fungsi audit dan pemeriksaan sijil halal, pemantauan sijil halal dan tauliah sembelihan.

TAHUN
2016

KETERANGAN

TAHUN
2020

Pada 1 Januari 2020, Bahagian Pendakwaan Syariah telah diasingkan dari pentadbiran JAIJ dan ditubuhkan Jabatan Pendakwaan Syarie Negeri Johor.

Sumber:

1. Abd Latif Juffri @ Al-Jufri & Jainal Sakiban Al-Jauhari. 2008. *Sejarah Perkembangan Agama Islam Johor*. Johor Bahru: MAIJ Urus Sdn. Bhd.
2. Fadilah Zaini & Kamaruzaman Yusoff. 2016. *Sejarah Awal Pentadbiran Agama Islam di Johor*. Skudai: Penerbit UTM.
3. Muhammad Izuan Abdul Rahman. 2013. *Peranan Jabatan Agama Islam dan Agensi Kerajaan Di Negeri Johor Dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam Sewaktu Pemodenan Johor, 1862-1941*. Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
4. *Majlis Perasmian Pusat Islam Johor*. 28 Ogos 2007. Johor Bahru: Jabatan Agama Islam Negeri Johor.



PUNCA KUASA

PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR

1. PERLEMBAGAAN MALAYSIA
2. UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR 1895
3. FATWA KERAJAAN NEGERI JOHOR
4. FATWA MAJLIS KEBANGSAAN
5. ARAHAN-ARAHAN / PIAWAIAN :
 - 5.1 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)
 - 5.2 Arahan Pentadbiran/ Tetap/ Dalam Pengarah Jabatan Agama Islam Johor di bawah Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor yang berkuatkuasa
 - 5.3 Tatacara Pengurusan Kewangan & Perakaunan Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor yang berkuatkuasa
 - 5.4 Akta Acara Kewangan 1957
 - 5.5 Arahan Perbendaharaan
 - 5.6 Pekeliling Perbendaharaan
6. ENAKMEN-ENAKMEN :

TAHUN 1915	BIL 01	STATUS • BERKUATKUASA
	• Undang-Undang	Undang-Undang Kedadatangan Kanak-Kanak Sekolah 1915
TAHUN 1983	BIL 02	STATUS • BERKUATKUASA
	• Undang-Undang	Kaedah-Kaedah Wakaf Tahun 1983
TAHUN 1983	BIL 03	STATUS • BERKUATKUASA
	• Undang-Undang	Peraturan-Peraturan Badan Kebajikan Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor 1983
TAHUN 1991	BIL 04	STATUS • BERKUATKUASA
	• Undang-Undang	Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1991

- TAHUN 1991** **BIL 05** **STATUS • BERKUATKUASA**

• Undang-Undang
Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1991
- TAHUN 1991** **BIL 06** **STATUS • BERKUATKUASA**

• Undang-Undang
Kaedah-Kaedah Mengajar Dan Memberi Syarahan Agama 1991
- TAHUN 1997** **BIL 07** **STATUS • BERKUATKUASA**

• Undang-Undang
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997
- TAHUN 2000** **BIL 08** **STATUS • BERKUATKUASA**

• Undang-Undang
Enakmen Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Al-Islamiah 2000
- TAHUN 2003** **BIL 09** **STATUS • BERKUATKUASA**

• Undang-Undang
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003
- TAHUN 2003** **BIL 10** **STATUS • BERKUATKUASA**

• Undang-Undang
Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003
- TAHUN 2003** **BIL 11** **STATUS • BERKUATKUASA**

• Undang-Undang
Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003
- TAHUN 2003** **BIL 12** **STATUS • BERKUATKUASA**

• Undang-Undang
Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003

- TAHUN 2003**

BIL 13 STATUS • BERKUATKUASA

 - *Undang-Undang*
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003
- TAHUN 2003**

BIL 14 STATUS • BERKUATKUASA

 - *Undang-Undang*
Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Johor) 2003
- TAHUN 2004**

BIL 15 STATUS • BERKUATKUASA

 - *Undang-Undang*
Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos) 2004
- TAHUN 2014**

BIL 16 STATUS • BERKUATKUASA

 - *Undang-Undang*
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (Pindaan 2014)
- TAHUN 2015**

BIL 17 STATUS • BERKUATKUASA

 - *Undang-Undang*
Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Johor) 2015
- TAHUN 2016**

BIL 18 STATUS • BERKUATKUASA

 - *Undang-Undang*
Kaedah-Kaedah Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk (Borang dan Fi) 2016
- TAHUN 2019**

BIL 19 STATUS • BERKUATKUASA

 - *Undang-Undang*
Kaedah-Kaedah Pendaftaran Muallaf (Negeri Johor) 2019
- TAHUN 2019**

BIL 20 STATUS • BERKUATKUASA

 - *Undang-Undang*
Peraturan Pengurusan Kewangan Dan Aset Masjid dan Surau Negeri Johor 2019

TAHUN
2019

BIL 21

STATUS • BERKUATKUASA

- Undang-Undang Peraturan-Peraturan Tabung Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Negeri Johor 2019 - berkuatkuasa

TAHUN
2019

BIL 22

STATUS • BERKUATKUASA

- Undang-Undang Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Pengurusan Kariah Masjid dan Surau (Negeri Johor) 2019

TAHUN
2022

BIL 23

STATUS • DALAM PROSES WARTA

- Undang-Undang Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Johor) (Pindaan) 2022

7. PERUNDANGAN DAN PIAWAI

- 7.1 *Malaysian Halal Management System (MHMS) 2020*
- 7.2 *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020*
- 7.3 *Malaysian Standard 2636:2019, Halal Medical Device*
- 7.4 *Malaysian Standard 2424:2019, Halal Pharmaceuticals*
- 7.5 *Malaysian Standard 1500:2019, Halal Food*
- 7.6 *Malaysian Standard 2634:2019, Halal Cosmetics*
- 7.7 *Malaysian Standard 2400-1:2019, Halal Supply Chain Management System; Part 1:Transportation*
- 7.8 *Malaysian Standard 2400-2:2019, Halal Supply Chain Management System; Part 2: Warehousing*
- 7.9 *Malaysian Standard 2400-3:2019, Halal Supply Chain Management System; Part 3: Retailing*
- 7.10 *Piawaian Prosedur Operasi Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B)35; Pelantikan Penolong Pengawal Perihal Dagangan*
- 7.11 *Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(A)268; Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) (Pindaan) 2018*
- 7.12 *Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(A)431; Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011*

FUNGSI



OBJEKTIF



01

Melahirkan masyarakat Madani yang menjadikan Islam suatu cara hidup yang sempurna serta memahami dan menghayati ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran dan al- Sunnah.



02

Menegakkan keadilan mengikut hukum-hukum Islam dan bidang kuasa yang diperuntukkan di dalam undang-undang.



03

Memelihara kesucian agama Islam, penganutnya dan institusi-institusi keagamaan daripada ancaman, penyelewengan dan pencerobohan.



04

Meningkatkan mutu pengetahuan, kemahiran dan penghayatan Islam secara bersistematik, efisien dan berkesan.





05

Menyemarakkan pembangunan fizikal, kerohanian dan spiritual dalam melahirkan individu, keluarga dan ummah yang berkeترampilan, agresif dan proaktif.

OBJEKTIF JABATAN

CARTA ORGANISASI






CARTA ORGANISASI



CARTA FUNGSI ORGANISASI



PENGARAH

TIMBALAN PENGARAH (OPERASI)

KHRIMAT PENGURUSAN

- Pentadbiran Dan Penyelenggaraan Pejabat
- Pentadbiran Dan Pengurusan Kaitangan
- Pengurusan Kewangan
- Pengendalian Kaunter Pejabat
- Perhubungan Awam
- Pengendalian Kenderaan Bermotor
- Pengendalian Stok Dan Harta Movable
- Pengurusan Fail
- Pengendalian Pelesenan Pejabat, Masjid Dan Tanah Perkuburan
- Pengendalian Telefon Pejabat
- Menyediakan Draf Bajet Tahunan
- Pengurusan Sumber Manusia
- Latihan Dan Peningkatan Sahsisah
- Pembangunan
- Gaji Dan Elaun
- Cuti Kaitangan
- Pengurusan Perantikan Dan Pencen
- Pengurusan Kualiti

DAKWAH

- Penerangan dan sebaran
- Unsuran Ukhwah dan saudara baru
- Kebajikan dan Hal Elwal Orang Asli
- Urusetia sambutan hari-hari kebesaran Islam
- Forum Perdana dan Ceramah Umum
- Perancangan kursus, seminar dan Memah Ibtalah.
- Pengendalian pengurusan jenazah
- Bimbingan pesakit di hospital
- Menyusun draf doa majlis rasmi

UNDANG-UNDANG SYARIAH

- Pengurusan nikah, cerai dan rujuk
- Pendaftaran pemilikan, penceraian dan rujuk
- Kursus Pra Perkahwinan
- Pengurusan penitikan kesihatan kepada bakal pengantin
- Rujukan bagi hal-hal berkaitan hukum hakam
- Rujukan Hal Elwal yang bersangkutan dengan enakmen
- Mengurus kebenaran pungenan dema
- Perjualan borang-borang permohonan dan kebenaran berkahwin
- Pentauliahan Hakim Mahkamah Syariah, Pendaftaran Syarie, Pendaftaran Nikah, Cerai dan Rujuk, Mengajar Agama dan Penceramah Haji
- Pentauliahan Guru Agama warganegara asing
- Pengurusan perkahwinan bukan warganegara Pengubahlan Undang-Undang
- Pewartaan Peraturan dan Undang-Undang
- Urusetia Jawatankuasa Peraturan Am Majelis Agama Islam Johor
- Perantikan Hakim Majlis Perujian Membaca Al-Quran

PEMBANGUNAN KELUARGA

- Merancang program-program Pembangunan Keluarga dan Sosial
- Melaksanakan program-program Pembangunan Keluarga dan Sosial
- Mengurus dan mengendalikan fail-fail khidmat nasihat
- Mengurus dan mengendalikan aduan ke luaran dan sosial
- Mengendalikan sesi khidmat nasihat keluarga dan sosial
- Mengurus kes-kes ke Mahkamah syariah
- Mengumpul dan menganalisa data aduan khidmat nasihat.

PENGUKUJAAAN

- Pengitipan dan risikan
- Pengumpulan data dan sumber maklumat
- Serahan dan tangkapan
- Sasatan Kes
- Penyediaan kertas pendakwaan
- Melaksanakan perintah mahkamah
- Keselamatan dan kelajikan orang yang tertuduh
- Pengurusan fail-fail kes
- Perhubungan antara jabatan berkaitan seperti polis
- Perhubungan dengan Mahkamah Syariah
- Penguatkuasaan terhadap peruntukkan enakmen dan undang-undang yang bertakwasa.

PENGURUSAN MASJID & SURAU

- Pentadbiran dan pengimarahlan masjid dan surau
- Pengurusan iman, ibad dan noja masjid dan surau
- Panel Lembaga, Peperiksaan Iman Dan Ibad
- Penyedia dan penyelaras khutbah dan risalah
- Mengendalikan program kebudayaan Al-Quran dan Rakan Muda
- Memantau bacaan iman dan ibad
- Pentadbiran tanah perkuburan

UNIT AUDIT DALAM

- Berfungsi secara bebas, memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk memabant nilai dan mempertingkatkan tahap operasi Jabatan; dan
- Memastikan wujudnya kecekapan (efficiency) kecekapan (effectiveness) dan berhemah (economic) dengan melibatkan pemeriksan secara objektif dan analisis terhadap maklumat dan prestasi sesuatu program / aktiviti Jabatan.

PENYELIDIKAN

- Penebitan Buku dan Majalah
- Kajian ajaran sesat
- Penulisan tentang tokoh-tokoh Islam
- Seminar
- Pengendalian kes murad
- Sasatan dan laporan bagi tujuan fatwa

PENGURUSAN HALAL

- Pentadbiran
- Pansjilan
- Audit Pematuhan
- Penguatkuasaan & Pemantauan

PENDIDIKAN

- Menyediakan pendidikan formal masyarakat Islam dari umur 5 tahun hingga dewasa
- Pengendalian sekolah-sekolah tadika sekolah agama, sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi agama
- Penyelidikan infrastruktur dan kemudahan bagi tujuan pendidikan agama
- Memaju dan mantapkan kurikulum pendidikan agama
- Usaha dakwah melalui pendidikan



*Majlis Tilawah dan Hafazan Al Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1443 Hijriah
berlangsung daripada 12 hingga 17 Jun 2022*



BAB
02

**PENCAPAIAN &
PENGIKTIRAFAN
2016-2022**

PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN



Persijilan MS ISO 900 : 2008 bagi tahun 2015-2018



MS ISO versi baru bagi tahun 2018-2021

PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN



PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN




PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN



PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN

MAHAJAJAN MEMANAH RECURVE

SEKOLAH MENENGAH AGAMA (MESMA)
PERINGKAT KEBANGSAAN
KALI KE 3 TAHUN 2022



Majlis Tilawah Hafazan Dan Al-Quran

PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 2022M/1443H



PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN



Majlis Perasmian Penutupan dan Pengurniaan Hadiah Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1443H yang berlangsung di Dewan Besar, Pusat Islam Iskandar Johor pada 17 Jun 2022. Negeri Johor dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan.



BAB 03

SISTEM PENGURUSAN KUALITI

*Isu Dan Cabaran (Analisis SWOT)
Pihak-Pihak Berkepentingan
Dasar Kualiti
Piagam Pelanggan
Nilai Bersama*

ISU DAN CABARAN

KEKUATAN

01

POLITIK

- › Exco Agama
- › Pengarah Jabatan Agama Islam Johor

03

SOSIAL

- › Pendidikan Sekolah Agama
- › Keluarga Sosial Komuniti (Care Center)
- › Kuliah Takmir
- › Jawatankuasa Masjid
- › Briged ASWAJA
- › Mubaligh
- › Penggerak Orang Asli
- › Pelawat Hospital
- › Mutiara al-Quran

05

PERSEKITARAN

- › Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
- › Pusat Islam Iskandar Johor sebagai Pusat Pentadbiran Agama Johor

